



## **TEKS SEMBAH UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DIRAJA DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA /  
 AHLI PARLIMEN BAGAN DATUK**

*Sempena*

**MAJLIS PERASMIAN JAMBATAN BAGAN DATUK**

**TARIKH: 07 OKTOBER 2023 (SABTU)**

**LOKASI: JAMBATAN BAGAN DATUK  
MASA: 9.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Menghadap, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim.

Ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

2. Patik mulai kalam dengan mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat kebesaran dan keagungan-Nya juga, patik serta sekalian hadirin berdatang sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli, berangkat ke Majlis Perasmian Jambatan Sultan Nazrin Shah pada pagi ini.
3. Menghadap, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa. dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Raja Nazhatul Shima Binti Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

4. Menghadap, Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan, Tunku Soraya Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun,

5. Patik dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku bercemar duli turut berangkat ke majlis ini bagi mengiringi Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Tuanku sungguh besar ertinya kepada patik dan seluruh rakyat jelata.
6. Patik juga mohon limpah perkenan Tuanku, untuk patik menyampaikan sepatialah dua kata, di dalam Majlis Perasmian Jambatan Sultan Nazrin Shah, pada hari yang penuh berbahagia ini.

Ampun Tuanku,

7. Pertamanya, patik memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya juga, maka Majlis Perasmian Jambatan Sultan Nazrin Shah ini, akan

disempurnakan dengan penuh berkat dan jayanya pada hari ini.

Ampun tuanku patik mohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan kehadiran dif dif kenamaan pada pagi ini.

( salutasi)

Ampun Tuanku,

8. Majlis pada hari ini sangat bermakna kepada patik dan sekalian rakyat jelata, kerana dapat menyaksikan satu lagi kemudahan infrastruktur telah terbina dan tersergam indah demi manfaat dan kemudahan rakyat jelata di Negeri Perak khususnya di daerah Bagan Datuk.
9. Patik serta rakyat jelata sekalian bersyukur, setelah sekian lama menanti, akhirnya Pekan Bagan Datuk dapat menjana perubahan dan semakin meriah dengan siapnya Jambatan Sultan Nazrin Shah yang menghubungkan dua daerah iaitu Bagan Datuk dengan Perak Tengah.
10. Pastinya, pahit getir penantian rakyat jelata selama lebih enam tahun (pecah tanah 2017) menantikan kerja-kerja pembinaan Jambatan Bagan Datuk ini membawa hasil dan memberi manfaat kepada penduduk setempat apabila telah dibuka secara rasmi mulai 31 Mei 2023 yang lalu.

11. Terbinanya jambatan ini yang bernilai RM460 juta dan sepanjang 10.5 kilometer dengan 1.5 kilometer panjang jambatan merentasi Sungai Perak dijangka akan menarik lebih ramai orang mengunjungi daerah Bagan Datuk serta memberi limpahan ekonomi dan sosial kepada sekalian rakyat di Bagan Datuk.
12. Selain itu, dengan adanya jambatan ini, rakyat jelata dapat menikmati jarak perjalanan yang lebih pendek iaitu pengurangan perjalanan sekitar 50 kilometer dengan penjimatan masa sebanyak lebih 1 jam. Jadi maksudnya, sekarang hanya mengambil masa kurang dari 15 minit sahaja dengan adanya jambatan ini.
13. Jambatan Bagan Datuk juga merupakan satu ikon dan kebanggaan kepada daerah ini kerana telah dikurniakan anugerah The Malaysia Book of Records Tahun 2023 dengan pencapaian Laluan Papak Bertingkat Atas Cerucuk Yang Terpanjang (*Longest Elevated Pile Slab Carriageway*) dan Bilangan Titik Cerucuk Terbanyak bagi Laluan Papak Bertingkat Atas Cerucuk (*Most Pile Points on Elevated Pile Slab Carriageway*).

Ampun Tuanku,

14. Di kesempatan ini, patik ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pasukan projek, Jabatan Kerja Raya Malaysia serta Kementerian Kerja Raya atas sumbangan sepanjang kerja-kerja pembinaan jambatan ini dilaksanakan.

15. Patik percaya, akan banyak lagi usaha-usaha dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, dari semasa ke semasa untuk mempertingkat lagi kemudahan infrastruktur di negeri ini untuk manfaat seluruh rakyat jelata.

16. Sesungguhnya, kewibawaan dan kebijaksanaan Duli Tuanku, telah menjadi pencetus semangat serta kebangkitan pentadbiran Kerajaan Duli Tuanku di Negeri Perak Darul Ridzuan ini.

17. Alhamdulillah, berkat naungan, nasihat dan tunjuk ajar Duli Tuanku juga, Negeri Perak Darul Ridzuan berjaya mewujudkan kestabilan politik dan memperkasa kemajuan ekonomi, sehingga membolehkan jentera pentadbiran negeri memberi fokus kepada usaha membela kebajikan dan kesejahteraan rakyat menerusi pelbagai pakej bantuan dan inisiatif di negeri ini.

Ampun Tuanku,

18. Patik memohon limpah perkenan Duli Tuanku, untuk patik mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu jemputan pada hari ini.

- **Yang Amat Berhormat** Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan Isteri, YBhg. Datin Seri Aezer binti Zubin.
- **Yang Berhormat** Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Dan Isteri, YBhg. Datin Sri Angelina Celestine Ujang.
- **Yang Berbahagia** Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.
- **Yang Berbahagia** Dato' Ir.Ahmad Redza bin Ghulam Rasool, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- **Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja**, Jen. Dato' Seri DiRaja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin (Bersara) Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Diraja Puan Sri Rasiah Binti Mohd Noor. ( lepas mb) kemudian menteri.

- **Yang Berhormat** Dato Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Dan Isteri Datin Che Fauziah Binti Ahmad.
- **Yang Berhormat** Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Dan Isteri.
- **Yang Amat Berbahagia** Orang Besar-Besar dan Ahli-Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan dan Toh Puan.
- **Yang Berhormat** Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak Darul Ridzuan dan isteri.
- **Yang Berbahagia** Tan Sri, Puan Sri, Dato Seri-Dato Seri, Datin Seri-Datin Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin
- Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri Dan Persekutuan Dan Isteri.
- Dif-Dif
- Pemimpin-pemimpin masyarakat,
- Rakan media dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Ampun Tuanku,

19. Patik pacal-pacal sekalian akan terus istiqamah dan melafazkan ikrar taat setia bagi menjunjung segala titah Duli Tuanku, bagi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan Negeri Perak Darul Ridzuan ini akan terus dipertahan dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.
20. Patik bagi pihak kerajaan dengan penuh hormat takzimnya merafakkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada pagi ini.
21. Akhir kalam, semoga Negeri Perak Darul Ridzuan di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan akan terus maju jaya, aman, makmur dan sejahtera.
22. Patik dan pacal-pacal sekalian mendoakan rahmat, taufik dan inayah agar Duli –Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tuanku bersemayam di bawah lindungan Rabbul Jalil hendaknya. Semoga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri, serta seluruh kerabat diraja, sentiasa mendapat perlindungan dari Allah Subhanahuwataala, sihat wal’afiat serta dilimpahi rahmat dan nikmat kesejahteraan, keimanan dan keberkatan.
23. Patik menyusun sepuluh jari mohon ampun dan maaf andai ada silap dan salah dalam tutur kata patik sewaktu

menyampaikan persembahan ucapan aluan yang tidak seberapanya ini.

Patik menjunjung kasih Tuanku.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ampun Tuanku.